



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

BERHUBUNG DERA ANJING *HUSKY*

DI KONDOMINIUM LANDSMARK RESIDENCE 1, KAJANG

PUTRAJAYA: Berikutan laporan yang tular di beberapa media sosial bertarikh 1 Julai 2024, bertajuk '**Lelaki Mendera Anjing Husky**', Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan telah menerima aduan secara rasmi berhubung kes tersebut yang berlaku di Kondominium Landsmark Residence 1, Kajang bertarikh 1 Julai 2024 jam 11.50 malam.

Susulan aduan tersebut, DVS telah membuat pemeriksaan awal di lokasi kejadian pada 2 Julai 2024 jam 11.00 pagi. Hasil pemeriksaan mendapati anjing *Husky* tersebut telah dibawa keluar oleh orang awam dari lokasi kejadian ke klinik haiwan swasta yang terletak di sekitar Kota Damansara.

Bertindak atas maklumat tersebut, DVS telah mengambil milik anjing *Husky* tersebut untuk tujuan siasatan dan pemeriksaan lanjut oleh Pegawai Veterinar. Kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772]. Sekiranya didapati bersalah, boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit (RM20,000.00) dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

DVS juga ingin memaklumkan bahawa keterangan suspek yang terlibat dalam kes ini telah diambil dan kertas siasatan akan dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

Selain itu, DVS juga ingin menegaskan bahawa DVS tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung keadaan anjing *Husky* sebelum ini seperti mana yang ditularkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di media sosial. DVS memandang serius tindakan mana-mana individu yang membuat tuduhan palsu di rangkaian media dan aplikasi sosial. Justeru, DVS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan lanjut termasuk melibatkan sudut perundangan terhadap pihak yang terlibat dengan perkara sedemikian.

DVS ingin menasihatkan mana-mana orang atau persatuan berkaitan haiwan untuk menyalurkan terus aduan berhubung kebajikan haiwan kepada DVS melalui pautan awa.dvs.gov.my (MyAnimalWelfare) dan tidak mengambil sebarang tindakan sendiri yang boleh mengganggu siasatan.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
4 JULAI 2024**